



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17/4/2014

## Dr. M sifatkan Anwar, Wan Azizah hanya bersandiwara

PARIT 16 April - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan pertembungan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isterinya, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail bagi merebut jawatan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) sebagai sandiwara politik semata-mata.

Dr. Mahathir berkata, Anwar sentiasa 'bersandiwara' dan perkem-

bangsan terbaharu itu juga merupakan salah satu daripada sandiwara Ketua Pembangkang itu.

"Semuanya adalah sandiwara, apa yang berbeza agendanya sahaja. Beliau nak jadi Perdana Menteri di atas pentas bolehlah.

"Saya boleh baca rentak politik beliau. Apa yang saya tahu Anwar ini penipu besar," katanya dalam sidang akhbar selepas menyam-

UM / 17-4-2014  
paikan syarahan bertajuk *Leaders in Today's Society: Issues, Challenges and Way Forward* di Dewan Canselor, Universiti Teknologi Petronas (UTP), Seri Iskandar dekat sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai pertembungan satu lawan satu bagi jawatan Presiden PKR antara Anwar serta Wan Azizah yang merupakan penyandang

jawatan tersebut.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir juga secara sinis menyindir Anwar berhubung kenyataannya mampu menyelesaikan misteri kehilangan pesawat Malaysia Airlines MH370 dalam masa satu saat.

"Saya dengar beliau kata mampu menyelesaikan misteri kehilangan pesawat MH370 dalam masa satu saat sahaja, masih banyak lagi

saat yang ada, buatlah," jelas beliau.

Ditanya mengenai langkah Pas untuk membentangkan rang undang-undang hudud di Dewan Rakyat pada Jun ini, menurut Dr. Mahathir, parti tersebut mempunyai hak berbuat demikian.

Begitupun, jelasnya, terserah kepada ahli-ahli Parlimen untuk menyokong rang undang-undang itu atau sebaliknya.